



UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ingin mempelawa calon di kalangan Warganegara Malaysia yang dinamik, inovatif dan bercita-cita tinggi untuk bersama-sama merealisasikan wawasan universiti sebagai UPSI No.1 Pendidikan di Malaysia dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan serta berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan di UPSI.

Senarai kekosongan jawatan adalah seperti berikut:-

BIL	KUMPULAN PERKHIDMATAN	JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Pengurusan & Profesional	Skim Perkhidmatan Khas Universiti	41	Kontrak

PANDUAN PERMOHONAN

1. Pemohon perlu mendaftar dan mempunyai akaun dengan *Online Job Application UPSI (myjobs.upsi.edu.my)*.
2. Untuk permohonan jawatan kali kedua dan seterusnya, pemohon tidak perlu mendaftar semula atau mewujudkan akaun baru, sebaliknya hanya perlu **mengemaskini profil** dan jawatan yang dipohon dalam akaun sedia ada.
3. Permohonan secara atas talian perlu diisi dengan lengkap kerana permohonan akan diproses menggunakan permohonan atas talian ini. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak dan tidak akan diproses.
4. Setelah permohonan lengkap diisi,
 - 4.1 **silalah cetak** dan pastikan gambar berjaya dimuat naik/dilekatkan;
 - 4.2 silalah sertakan salinan keputusan-keputusan peperiksaan, sijil-sijil Kokurikulum dan sebagainya yang berkaitan (yang telah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Gred 41 dan ke atas);
 - 4.3 cetakan permohonan dihantarkan ke alamat seperti di bawah;
 - 4.4 pemohon yang terdiri daripada warga UPSI (kakitangan bertaraf kontrak / sementara) perlu menghantar permohonan bersama surat iringan kepada Pendaftar UPSI melalui Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
5. Pemohon perlu menyemak dari semasa ke semasa di bahagian Berita/Maklumat Terkini di *myjobs.upsi.edu.my* untuk mengetahui status terkini permohonan. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pemohon mendakwa tidak mengetahui mengenai status permohonannya disebabkan pemohon tidak menyemak status permohonan secara atas talian di ruangan tersebut.
6. Pemohon diminta mengisi alamat emel yang aktif. Permohonan secara atas talian ini akan menggunakan emel sebagai salah satu medium komunikasi antara pihak UPSI dan pemohon. Pihak UPSI tidak akan bertanggungjawab jika pihak pemohon tidak menerima makluman yang dihantar secara emel kepada pemohon yang disebabkan oleh pemohon tidak mengakses emelnya.
7. **Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.**
8. Pemohon yang tidak menerima sebarang maklum balas dari UPSI dalam tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan, permohonan dianggap tidak berjaya.
9. **Pegawai perlu lengkap imunisasi Covid-19.**

10. Sila hantarkan permohonan ke:

**Unit Perjawatan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak**

11. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Unit Perjawatan, BSM



05 – 450 6328 / 6338 / 6399

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan jawatan yang diiklankan adalah pada **28 Februari 2022.**

1. Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 41

1. (a) Jawatan : **Skim Perkhidmatan Khas Universiti Gred 41**
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional
2. Emolumen / Gaji :

Gred	Honorarium
41	RM2,500.00
3. Had Umur : Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan dan maksimum berumur 54 tahun.
4. Syarat Lantikan :
 - Warganegara Malaysia
 - ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
 - Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai kelayakan dalam bidang Statistik dan Perakaunan.
5. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
6. Deskripsi Tugas
 - menjalankan kerja-kerja penyelidikan dalam bidang berkaitan.
 - menjalankan penyelidikan asas dan gunaan, khidmat nasihat kepakaran, menyebarkan maklumat-maklumat berkaitan.
 - melaksanakan kajian dan penyelidikan mengenai jaminan kualiti, penyelidikan, pembangunan serta latihan,
 - Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.
7. Taraf Jawatan : Kontrak
8. Tempoh Lantikan : Tempoh pelantikan hendaklah sekurang-kurangnya satu (1) bulan tetapi tidak melebihi 36 bulan (3 tahun).
9. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.